

PELAWAAN STAF UUM MENJADI SUKARELAWAN BANTUAN KECEMASAN BENCANA BANJIR

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 24 November 2011 8:26

Kepada: UUM - All Staff

Lampiran-lampiran:  Borang Senarai Nama Sukarelawan.doc (40 KB) [Buka sebagai Halaman Web];

Jabatan Pendaftar

REGISTRATION OFFICE

Universiti Utara Malaysia

24 NOVEMBER 2011

28 ZULHIJAH 1432H

PELAWAAN STAF UUM MENJADI SUKARELAWAN BANTUAN KECEMASAN BENCANA BANJIR

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Tindakan Kecemasan Bencana Banjir UUM yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) pada 18 November 2011 telah bersetuju menubuhkan Pasukan Sukarelawan Bantuan Kecemasan Bencana Banjir yang terdiri daripada wakil staf setiap PTJ.

Pasukan ini akan bertugas memberikan bantuan kecemasan bencana banjir kepada staf UUM yang menjadi mangsa banjir. Kriteria untuk menjadi sukarelawan adalah :

- 1) Rumah yang didiami adalah bebas banjir;
- 2) Bersedia dari segi mental dan fizikal;
- 3) Bersedia untuk melapor diri ke Bilik Gerakan Banjir terdekat apabila dipanggil;
- 4) Bersedia untuk bertugas lebih masa; dan
- 5) Bersedia untuk bertugas dalam keadaan di luar dijangka.

Para sukarelawan terlibat akan diberikan kemudahan berikut :

- 1) Surat lantikan rasmi;
- 2) Surat penghargaan;
- 3) Pelepasan daripada tugas rasmi;
- 4) Pengangkutan;
- 5) Makan dan minum;
- 6) Tempat rehat;
- 7) Kelayakan membuat tuntutan elaun lebih masa; dan
- 8) Tuntutan bil/tambah nilai telefon bimbit.

Ketua PTJ diminta mencalonkan **2 orang staf** bagi menganggotai Pasukan ini dengan menggunakan **Borang** yang dilampirkan. Sila kembalikan borang tersebut secara dalam talian kepada **Pn. Fazilah bt Ismail** (ilah@uum.edu.my) dengan kadar segera.

Pihak Universiti juga telah menubuhkan dua Bilik Gerakan Banjir iaitu di :

- 1) Jabatan Keselamatan UUM, Sintok
- 2) Taman Siswa, Jitra.

Sekian, terima kasih.

JABATAN PENDAFTAR

Universiti Utara Malaysia

Tel : 04-9283021/3043

Fax : 04-9283046

e-mail : pendaftar@uum.edu.my

*Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary).*